

# **AKIDAH ISLAM**

## **AAA 1012**

**Program Pensiswazahan Guru**

# **AKIDAH ISLAM**

## **AAA 1012**

**Program Pensiswazahan Guru**

**MOHD RADHI IBRAHIM  
KAMALUDDIN NURDIN MARJUNI**

Penerbit  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
Negeri Sembilan  
**2012**

**CETAKAN PERTAMA 2012**

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Penerbit USIM  
**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tel:06-798 8226/6081 | Faks:06-798 6083  
[www.penerbit.usim.edu.my](http://www.penerbit.usim.edu.my)  
[pej.penerbitan@usim.edu.my](mailto:pej.penerbitan@usim.edu.my)

**Penerbit USIM adalah anggota  
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Dicetak di Malaysia oleh:

**PERCETAKAN CAHAYA MURNI**  
Wisma PCM, No.40  
Senawang Business Park  
70450 Seremban, Negeri Sembilan  
Tel : 06-678 8118/8558 | Faks : 06-678 8228  
[pcmns@streamyx.com](mailto:pcmns@streamyx.com)

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Mohd Radhi Ibrahim

Akidah Islam AAA 1012: program pensiswazahan guru /

Mohd Radhi Ibrahim, Kamaluddin Nurdin Marjuni.

ISBN 978-967-0393-37-7

1. Teaching--Methodology. 2. Faith (Islam)--Study and teaching.

I. Kamaluddin Nurdin Marjuni. II. Judul.

371.1

## ISI KANDUNGAN

<b>PANDUAN KURSUS</b>	<b>9</b>
UNIT 1 : PENGENALAN AKIDAH ISLAM	11
UNIT 2 : KEPENTINGAN DAN OBJEKTIF AKIDAH	17
UNIT 3 : ASAS AKIDAH ISLAM	23
UNIT 4 : PERCANGGAHAN DALAM AKIDAH	33
UNIT 5 : <i>AHL SUNNAH WA AL-JAMA'AH</i>	39
UNIT 6 : ANCAMAN TERHADAP AKIDAH	45
UNIT 7 : PENYELEWENGAN AKIDAH	49
UNIT 8 : AKIDAH TAUHID PEGANGAN PARA ANBIYA' A.S	53
UNIT 9 : AKIDAH DAN KEHIDUPAN	59
UNIT 10 : PENGUKUHAN DAN KEYAKINAN AKIDAH	65

**PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU  
AAA 1012  
Akidah Islam**

---

Pengarah Projek : Prof. Madya Dr. Bhasah Abu Bakar  
Dekan Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Penyelaras Projek : Dr. Noor Azizi bin Ismail  
Ketua Program Pendidikan

: Dr. Noorhayati Hashim  
Penyelaras Program Pensiswazahan Guru Sekolah Menengah

: Pn. Hazlina binti Abdullah  
Penyelaras Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah

Penulis Modul : Dr. Mohd Radhi Ibrahim  
Dr. Kamaluddin Nurdin Marjuni

Editor : Hazlina Abdullah  
Dr. Harison Mohd Sidek

# PANDUAN KURSUS

## PENGENALAN

Kursus ini menjelaskan kepada para pelajar mengenai persoalan-persoalan akidah, baik klasik ataupun semasa. Kursus ini juga cuba menjelaskan berkenaan kepentingan akidah serta objektif pengajiannya. Tajuk lain yang turut dikaji ialah asas akidah, mazhab *Ahlu al-Sunnah wa al-Jama'ah*, ancaman terhadap akidah serta penyelewengan akidah. Di samping itu, pengukuhan akidah turut menjadi topik perbincangan bagi menjadikan akidah sebagai panduan dalam kehidupan Muslim.

## KUMPULAN SASARAN

Kursus ini adalah untuk pelajar tahun 2 program Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam).

## PERUNTUKAN MASA PEMBELAJARAN

Mengikut piawaian MQA, setiap jam kredit memerlukan pelajar memperuntukkan 40 jam pembelajaran. Oleh itu pelajar memerlukan 120 jam waktu pembelajaran. Anggaran agihan waktu pembelajaran bagi kursus AAA1012 ialah seperti jadual di bawah:

JADUAL 1: Anggaran agihan masa pembelajaran AAA1012

Bil	Aktiviti Pembelajaran	Jam Pembelajaran	
		Bersemuka	Tidak bersemuka
1.	Tutorial	30	
2.	Tutorial atas talian	-	30
3.	Membaca modul serta menyiapkan tugas	-	30
4.	Video P&P melalui GOALS	-	30
<b>Jumlah Masa Pembelajaran</b>		<b>120</b>	

## HURAIAN KURSUS AAA1012 AKIDAH ISLAM

### HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

Pada akhir kursus ini pelajar akan mampu untuk:

1. Menjelaskan berkenaan asas akidah Islam, kepentingan dan objektifnya secara baik dan jelas.
2. Menjelaskan berkenaan faktor-faktor percanggahan dan kesesatan akidah yang terdapat dalam masyarakat Islam.
3. Mengenal pasti faktor yang boleh membantu mengukuhkan akidah umat Islam berdasarkan panduan al-Quran dan al-Sunnah serta mengaitkan teori akidah yang dipelajari dengan aktiviti kehidupan harian.
4. Menjelaskan berkenaan prinsip akidah mazhab *Ahlu al-Sunnah wa al-Jamaah*.

### SINOPSIS KURSUS

Kursus ini menjelaskan kepada pelajar tentang asas-asas akidah Islam dan cabaran-cabaran semasa. Di samping itu, ia memberi pengenalan berkenaan kepentingan dan objektif akidah yang perlu dicapai oleh setiap individu Muslim. Kaitan antara teori akidah dengan kehidupan praktikal turut diberi perhatian bagi menzahirkan hubungan antara disiplin ilmu Islam dengan kehidupan harian.

## **PENILAIAN KURSUS**

Kerja kursus	50%
Ujian Akhir	50%
Jumlah	100%

## **ISI KANDUNGAN KURSUS**


Kursus ini terbahagi kepada 10 tajuk. Kandungan keseluruhan kursus adalah seperti berikut:

1. UNIT 1 : PENGENALAN AKIDAH ISLAM
2. UNIT 2 : KEPENTINGAN DAN OBJEKTIF AKIDAH
3. UNIT 3 : ASAS AKIDAH ISLAM
4. UNIT 4 : PERCANGGAHAN DALAM AKIDAH
5. UNIT 5 : *AHL SUNNAH WA AL-JAMA'AH*
6. UNIT 6 : ANCAMAN TERHADAP AKIDAH
7. UNIT 7 : PENYELEWENGAN AKIDAH
8. UNIT 8 : AKIDAH TAUHID PEGANGAN PARA ANBIYA'
9. UNIT 9 : AKIDAH DAN KEHIDUPAN
10. UNIT 10: PENGUKUHAN DAN KEYAKINAN AKIDAH

arak dan sebagainya. Manakala individu yang yakin dengan pembalasan akhirat akan membuat persediaan untuk menghadapi hari tersebut dengan amalan yang baik dan menjauhi perbuatan yang buruk. *Yuqinun* menunjukkan kepercayaan dan keyakinan terhadap pembalasan akhirat sehingga menjadikannya manusia yang berjaya di dunia dan akhirat.

Antara ciri-ciri penting dalam proses penguatan akidah ialah kemampuan untuk menjadikan individu sentiasa mengingati Allah SWT pada setiap masa dan ketika. Seterusnya sentiasa menjadikan Rasulullah SAW sebagai panduan dan ikutan dalam hidup. Segala perbuatan dan perkataan Rasulullah SAW diibaratkan sebagai satu menifestasi terbaik ketaatan seorang hamba kepada Tuhannya. Demikian juga individu perlu sentiasa mengingati dan menghayati konsep ganjaran dan pembalasan di akhirat.

Apabila Allah SWT sentiasa diingati, Rasulullah SAW dirindui dan pembalasan di akhirat di perhati maka ia akan memainkan peranan ketika individu tersebut ingin mengambil sebarang keputusan dan tindakan dalam hidupnya. Individu tersebut akan mengambil keputusan yang selari dengan kehendak Allah SWT, melaksanakan perbuatan baik sebagaimana dilakukan oleh Rasulullah SAW serta memastikan perbuatan tersebut menghampirkan dirinya kepada syurga dan menjauhi dirinya dari neraka di akhirat kelak.



## RUMUSAN

Unit ini menjelaskan berkenaan faktor penguatan akidah yang perlu dilakukan oleh setiap individu Muslim berdasarkan panduan dari al-Quran dan al-Sunnah. Penghayatan terhadap bacaan dan tindakan semasa menunaikan ibadat solat merupakan faktor utama penguatan akidah. Kemuncak penguatan ini ialah apabila individu dikurniakan rasa khusyuk oleh Allah SWT dalam solatnya. Jalan kedua ialah melalui penelitian dan berfikir terhadap alam semesta ciptaan Allah SWT. Melalui penelitian terhadap alam manusia akan melihat kehebatan alam seterusnya merasakan keagungan pencipta alam tersebut iaitu Allah SWT.



## KATA KUNCI

Penguatan Akidah  
Solat dan Akidah  
Khusyuk dan Akidah  
Akidah dan Alam Semesta  
Alam dan Keagungan Allah SWT



### AKTIVITI / LATIHAN

Mengadakan perbincangan berkenaan aktiviti pengukuhan akidah.



### RUJUKAN

- Al-Thahawi. 2007. *al-Akidah at-Thahawiyah*. Beirut-Lebanon: Muassasah al-Rayyan.
- Mohd Radhi Ibrahim. 2006. *Akidah dan Pembangunan Tamadun*. Nilai: Penerbit USIM.
- Kamaluddin Nurdin Marjuni. 2006. *Masaail al-I'tiqad 'Inda al-Imam al-Qurtubi*. Mesir: Muassasah al'Alyaa, Kaherah.